

Manfaatkan data SARA, STAR tingkat sistem perlindungan sosial negara

• Kerajaan juga jelas kepada sesiapa yang mampu dan merasakan tidak memerlukan bantuan ini, ia akan diagihkan semula kepada mereka yang betul-betul memerlukan pada masa hadapan

• Kita mengharapkan kejayaan dari segi pembentukan sistem perlindungan sosial yang mantap dengan aspek liputan dan kecukupan dapat dipenuhi dengan kedudukan fiskal dan pertumbuhan ekonomi



Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my

Felo Bersekutu Kanan Institut Dasar Ekonomi Dan Kewangan (ECOFI), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Reformasi sistem perlindungan sosial negara secara menyeluruh menjadi antara keutamaan Kerajaan MADANI yang dikongsikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Perhimpunan Bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) Januari dan Amanat Tahun Baharu 2026.

Apabila kita membincangkan soal sistem perlindungan sosial, ia secara asasnya berkait dengan tiga aspek utama, iaitu jaringan keselamatan sosial, insurans sosial dan polisi pasaran buruh aktif.

Perkara ditumpukan dalam ucapan itu berkait dengan reformasi jaringan keselamatan sosial dalam bentuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA), begitulah juga bantuan dan sumbangan lain seperti bantuan awal persekolahan (BAP) untuk membantu rakyat dalam mendepani kesan kenaikan kos sara hidup ketika ini.

Dua isu penting apabila membincangkan sistem perlindungan sosial ialah liputan dan juga kecukupan. Namun begitu, perkara lebih menarik adalah idea dan falsafah di sebalik program dilaksanakan.

Idea berani dan reformis dilakukan kerajaan di bawah kerangka Ekonomi MADANI dalam hal ini adalah inisiatif SARA untuk semua, yang mula diperkenalkan pada Julai tahun lepas, iaitu pemberian RM100 ringgit secara sekali beri dengan menggunakan MyKad kepada setiap warganegara dewasa berusia 18 tahun dan ke atas.

Ini kali pertama dalam sejarah negara bantuan tunai seperti ini dilakukan. Oleh itu, tidak hairanlah ada kritikan dilemparkan berkenaan dengan inisiatif ini, terutama kenapa ia diberikan kepada semua, apatah lagi memperlekehkan nilai RM100 yang bagi mereka sangat sedikit dan tidak mencukupi.

Sebenarnya, elemen universal inilah menjadikan inisiatif SARA untuk semua ini bersifat transformatif. Walaupun tidaklah universal dalam erti kata sebenar, ia satu permulaan baik dan lebih kepada bentuk universal berkadar.

Tanpa syarat

Ciri utama di sini adalah tanpa syarat dan diberikan secara individu. Kecualilah kalau kita sudah dapat mengatasi masalah ralat 'exclusion' dalam melakukan pendekatan secara bersasar, pendekatan universal SARA untuk semua ini adalah yang terbaik setakat ini.

Kerajaan juga jelas kepada sesiapa yang mampu dan merasakan tidak memerlukan bantuan ini, ia akan diagihkan semula kepada mereka yang betul-betul memerlukan pada masa hadapan.

Jadi, apabila perbelanjaan SARA untuk semua ini mula dibelanjakan pada 31 Ogos 2025 hingga 31 Disember 2025, kita dapat melihat pelaksanaan sangat lancar dan memberi manfaat kepada rakyat teramat secara terus.

Ada juga menggunakan duit ini sebagai modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan, manakala sebahagian pula membeli barang asas yang kemudian

disedekahkan kepada golongan rentan, baik secara berkumpulan ataupun secara individu.

Seperti diumumkan, sejumlah RM150 juta baki SARA untuk semua yang tidak dibelanjakan akan disalurkan semula kepada golongan memerlukan. Antara hasilnya ialah RM15 juta peruntukan untuk Bank Makanan Dapur Siswa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk membantu pelajar kurang berkemampuan untuk mendapat akses makanan mencukupi dan berkhasiat.

Begitu juga peniaga, terutama pemilik kedai kecil di luar bandar, yang bilangannya akan ditingkatkan dalam program SARA ini kepada 10,000 menjelang akhir tahun ini.

Mekanisme SARA untuk semua ini diteruskan apabila kerajaan melaksanakan program rasionalisasi subsidi RON95 ataupun program Budi MADANI RON95 (BUDI95) yang subsidi petrol RON95 diberikan kepada semua warga negara yang mempunyai lesen memandu aktif dan kuota 300 liter sebulan pada harga yang lebih murah daripada sebelumnya, iaitu RM1.99 seliter (berbanding

sebelum ini harga RON95 bersubsidi ialah RM2.05 seliter).

Semasa pembentangan Belanjawan 2026, kerajaan mengumumkan program SARA untuk semua ini akan diteruskan. Kerajaan sudahpun mengumumkan penyalurannya pada 9 Februari depan. Sememangnya, program ini akan ditambah baik dari semula ke semasa. Misalnya, apakah ada keperluan untuk menjadikan ikhtiar SARA untuk semua ini dilakukan secara berkala seperti SARA Bulanan pada masa hadapan?

Begitu juga berkaitan aspek tanpa syarat berkenaan. Ini kerana program berbentuk universal ini tidaklah bermaksud pemberian untuk semua secara total. Perlu ada apa yang dipanggil sebagai *equal material base* yang perlu ditentukkan apabila data terkini diperoleh. Jadi, kemiskinan mereka yang tidak memerlukan bantuan ini boleh dikecualikan pada masa hadapan.

Mekanisme ini akhirnya boleh diaplikasikan untuk pelbagai lagi bentuk rasionalisasi subsidi pada masa hadapan, seperti subsidi minyak masak. Begitu juga dengan usaha kerajaan untuk mereformasi sistem pencen.

Apa yang pasti, segala ikhtiar kerajaan ini, iaitu untuk menaikkan darjat hidup rakyat, bergantung kepada prestasi ekonomi negara. Di sinilah kepentingan data makroekonomi seperti nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), data pelaburan, perdagangan serta nilai ringgit dan juga kedudukan Malaysia dalam indeks daya saing global, misalnya.

Akhirnya, kita mengharapkan kejayaan dari segi pembentukan sistem perlindungan sosial yang mantap dengan aspek liputan dan kecukupan dapat dipenuhi dengan kedudukan fiskal dan pertumbuhan ekonomi, hingga dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat seperti menjadi aspirasi, falsafah dan nilai teras dalam Malaysia MADANI itu sendiri.

“Sejumlah RM150 juta baki SARA untuk semua yang tidak dibelanjakan akan disalurkan semula kepada golongan memerlukan”

